

MENGGAMIT NOSTALGIA TANGGA BATU RUMAH MELAKA



"Anak dara tidak elok duduk di bendul, bersidai di muka tangga," laungan nenek dari pagar buluh depan rumahnya. Begitulah ayatnya, masih terngiang-ngiang laungan nenek kepada penulis setiap kali berkumpul bermain bersama-sama sepupu seusia zaman kecil dahulu. Sambung nenek lagi, "Nanti kalau orang datang meminang sekerat jalan, baru padan muka." Pada ketika itu, fitrah kami yang masih kebudak-budakan hanya tertawa dan mengiakan sahaja kata-kata nenek itu, lantas berlalu meneruskan aktiviti di ruang halaman rumah yang berpasir putih. Menginjak usia dewasa, apabila difikirkan semula, sungguh mendalam makna yang tersirat daripada ungkapan nenek itu.

Teguran nenek itu ada benarnya. Jika diamati, terdapat nada amaran untuk menyuruh berhenti bergurau senda dan bermain di bahagian tangga rumah. Hal ini disebabkan oleh dikhuatiri terjadinya kemalangan ketika kami bermain kerana bentuk fizikal tangga rumah nenek yang bertingkat-tingkat dan diperbuat daripada batu, bukanlah tempat yang sesuai untuk bermain. Begitulah simboliknya dan berlapisnya pesanan yang diberikan, di sebalik fungsi sesebuah ruang rumah tradisional Melayu.

Rumah Melayu Melaka dibina melambangkan keperibadian orang Melayu. Masyarakat terdahulu mendirikan rumah mengikut petua dan cara mereka yang tersendiri. Petua atau cara tersebut turut disesuaikan dengan faktor persekitaran, adat resam, kepercayaan dan agama Islam sebagai agama masyarakat Melayu. Sejarah awal tentang wujudnya rumah-rumah Melayu ini agak sukar dikesan, melainkan penulisan tentang rupa bentuk istana pemerintahan Melaka yang tertulis dalam Sejarah Melayu.

"Adapun besarnya istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga depa luasnya, besarnya tiang sepemeluk, tujuh tingkat pangkat kemuncaknya. Pada di antara itu diberinya bertingkat. Pada di antara tingkap itu diberinya perhubungan melintang dan bergajah menyusu, sekaliannya bersayap layang-layang berukir dan bersengkuap, pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang bersagi...sekaliannya bergunung-ganang dan berjurai-jurai belaka. Adapun segala tingkap istana itu sekaliannya dicat dan dibubuh air emas, kemuncaknya merah dan dinding istana itu sekaliannya berkambi, maka ditampali dengan cermin China yang besar-besar. Adapun rasuk istana itu sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya, akan birai istana itu dua hasta lebarnya, sehasta lebarnya diukir jenang pintu dan empat puluh banyak pintu sekaliannya dicat dibubuh air emas. Atapnya tembaga dan timah bersirip."

Demikianlah jika diteliti gambaran rupa bentuk rumah tradisional Melaka yang masih ada pada masa ini menyerap unsur seni bina istana zaman dahulu.

Apabila membicarakan tentang seni bina, sememangnya banyak keunikan dan keistimewaan yang menjadikan rumah Melayu mudah untuk dikenal pasti. Melewati perjalanan berkenderaan – dari Pulau Sebang, Masjid Tanah, Rumbia Kampung Lubok Cina di Alor Gajah, ke Kampung Pengkalan Batu, Kampung Morten, Tanjung Kling serta Kampung Bukit Godek di daerah Melaka Tengah dan seterusnya ke Kampung Pondok Kempas, Bukit Senggeh, Kampung Rim, Jalan Serkam, Sungai Rambai, dan Merlimau serta sekitar kampung yang bersempadan dengan daerah Muar-Johor – sudah

pastinya mata terpukau dengan rumah Melayu tradisional Melaka yang masih utuh berdiri sehingga kini walaupun telah dibina sekitar 120 tahun yang lalu.

Rumah tradisional Melayu Melaka kebiasaannya berbumbung panjang, berbandung-bandung, mempunyai rumah ibu, pelantar dan dapur. Bahagian rumah juga terdiri daripada tiga penggalan utama, yang terdiri daripada penggalan badan, penggalan tiang dan juga pengkalan bumbung.

Pengkalan badan rumah terletak di antara tiang dan bumbung dan terdiri daripada komponen utama iaitu dinding, serambi, pintu dan tingkap. Secara kebiasaannya, rumah Melayu Melaka dindingnya menggunakan teknik papan berlidah dari kayu balak dalam susunan vertikal dan juga mendatar. Penggalan bumbung pula ialah struktur bumbung itu sendiri yang akan menempatkan peran atau loteng di bahagian ini sebagai tempat menyimpan barangan tuan rumah.



Rumah Demang Haji Jaafar di Kampung Sungai Rambai, Melaka.



Tangga rumah Hajah Zainah di Kampung Lereh, Melaka.



Tangga rumah tradisional Melaka di Pondok Kempas, Jasin, Melaka.

Penggalan tiang pula bermula dari tiang sehingga aras lantai. Komponen penting bahagian ini ialah tangga. Secara kebiasaannya, tangga rumah Melayu Melaka memperlihatkan pengaruh seni bina Cina dan India disebabkan penggunaan jubin berhias pelbagai motif dan warna. Sebelum bermulanya penggunaan jubin dan konkrit, jenis tangga rumah Melaka yang asli adalah diperbuat daripada kayu yang sangat ringkas dan menggunakan teknik tanggam. Tangga kayu juga masih ada sehingga kini dan dapat dilihat di bahagian sisi rumah.

Penggunaan tangga batu dipercayai bermula dengan kedatangan pedagang-pedagang yang membawa masuk jubin-

jubin dari Cina, India, Timur Tengah dan Itali. Tangga batu merupakan kombinasi binaan bertingkat yang dibuat daripada simen, kemudiannya ditampal dan diletakkan dengan jubin yang diimport dari luar. Jubin yang berwarna-warni ini menyerikan lagi rupa tangga rumah Melaka. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa kos membina tangga rumah Melaka adalah lebih mahal berbanding membina rumahnya. Bahkan, terdapat beberapa pendapat yang mengatakan bahawa tangga rumah yang cantik dan mahal pada ketika itu hanyalah bagi golongan pembesar, demang, penghulu ataupun golongan berada yang mampu sahaja. Tangga batu bukan sahaja dibina di ruang hadapan rumah, tetapi terdapat juga di bahagian sisi pelantar rumah.

Mengambil contoh sebuah rumah tradisional Melaka yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan di Melaka, kemas jubin pada tangga yang berwarna-warni di rumah Demang Abdul Ghani di Merlimau sudah pastinya menarik pandangan mata bagi sesiapa yang melihatnya. Reka bentuk tangga dan corak jubin rumah tersebut sangat halus buatannya. Kepala di bahagian atas tiang tangga, jika diamati, berbentuk topi askar Inggeris yang diperbuat daripada konkrit, selari dengan pembinaan rumah yang dipercayai dibina semasa zaman Inggeris di Melaka sekitar akhir 1890-an. Di hadapan tangga terdapat dua buah kolah air untuk membersihkan kaki. Terdapat juga ukiran konkrit berbentuk labu dan nenas yang membawa maksud nasib yang baik.



Rumah tradisional Melaka milik Haji Hashim Taha di Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka.

Dalam hal ini, ciri-ciri yang terdapat pada reka bentuk rumah dan tangga tersebut membuktikan bahawa pengaruh asing telah disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan. Rumah sebegini hanya mampu dibina oleh golongan yang berkedudukan tinggi dalam kalangan masyarakat setempat. Kebanyakan motif jubin yang ada pada tangga batu rumah tradisional berbentuk naga, burung, corak geometri dan sebagainya. Sentuhan seni bina ini memperlihatkan kepada kita bahawa kedatangan imigran dari China dan India telah membawa masuk kepakaran mereka dalam bidang seramik.

Berdasarkan cerita lisan masyarakat terdahulu, rata-rata mungkin pernah mendengar terdapatnya peraturan dan pantang-larang tertentu dalam pembinaan rumah tradisional. Sebagai misalnya, menentukan bilangan dan aturan tertentu dalam proses membina struktur dan bahagian rumah. Hal ini turut sama dengan pembinaan tangga rumah. Secara umumnya, masyarakat Melayu begitu dekat dengan nilai Islam dan interaksinya dengan alam semula jadi. Pengaruh animisme, Hindu-Budha dan Islam telah mempengaruhi penentuan ciri sesebuah rumah yang dipercayai akan memberikan kesan langsung kepada kedudukan dan struktur rumah. Pada zaman dahulu, kedudukan tiang seri rumah, jumlah anak tangga, kedudukan pintu rumah dan anjung, ditentukan dengan bantuan nasihat pawang atau bomoh.

Jika diperhatikan, kebanyakan anak tangga dan bilangan gelegar rumah Melaka kebiasaannya dibina dalam angka ganjil. Menurut kepercayaan orang terdahulu, angka ganjil membawa maksud kebaikan atau kelebihan dan pertambahan, berbanding angka genap yang membawa maksud genap atau mencukupi. Hal ini sering dikaitkan dengan konsep rezeki dan harapan dalam kehidupan pemilik rumah.

Masyarakat terdahulu juga berpendapat bahawa tangga rumah yang berjumlah angka ganjil, iaitu lima dan tujuh, akan membuatkan tuan rumah atau tetamu berasa selesa untuk melangkah masuk. Sekiranya langkah bermula dengan kaki kanan, maka akhirnya juga adalah dalam langkah kanan, bersesuaian dengan konsep Islam yang memulakan sesuatu pekerjaan dengan anggota kanan. Demikianlah kewajarannya tangga yang dibina dalam angka ganjil.

Begitu juga dengan kedudukan pintu rumah yang tidak selari, dari serambi hinggalah ke dalam rumah. Mengikut pantang larangnya, jika pintu rumah dibina selari dengan muka tangga ataupun pintu hadapan, akan memudahkan gangguan sihir atau makhluk halus mengganggu penghuni rumah. Jika dilihat dari perspektif Islam dan konsep tradisional, kedudukan pintu dalam rumah yang tidak selari mampu menyekat



Corak jubin yang menarik menghiasi tangga batu rumah Demang Abdul Ghani.

pandangan kaum lelaki dan kaum perempuan sebagai menjaga batas dan adat pergaulan. Demikianlah juga teguran orang-orang tua dahulu yang sering melarang anak perempuan atau gadis berada di muka tangga atau bahagian hadapan rumah. Bahkan, tangga rumah jugalah menjadi tempat "maksik-maksik" bersembang atau singgah bertanyakan khabar.

Kebanyakan rumah tradisional Melaka dipagari oleh pohon buah-buahan yang menjadi sempadan antara rumah dengan rumah yang lain. Pepohon tersebut dijadikan sebagai pagar untuk menggalakkan hubungan interaksi dan silaturahim sesama jiran. Begitu juga dengan halaman terbuka di hadapan sesebuah rumah, secara kebiasaannya menjadi tempat kenduri diadakan sehingga melibatkan halaman rumah jiran. Demikianlah sifat orang Melayu yang saling bantu-membantu bagi mencapai kehidupan sosial yang baik.

Atas dasar kepentingan menjaga warisan zaman-berzaman ini, pihak pengurusan Perbadanan Muzium Melaka telah mengambil inisiatif memulihara 54 buah rumah tradisional Melayu Melaka di sekitar daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Usaha pemuliharaan dan pengekalan warisan seni bina asli rumah ini dijadikan sebagai aset dan tarikan pelancongan negeri Melaka.

Sebagai kesimpulannya, demikianlah fungsi dan keunikan tangga batu sebagai satu daripada ciri rumah tradisional Melayu yang unik. Tangga batu yang indah menjadi daya penarik dan penghias rumah. Walau bagaimanapun, bentuk dan tradisi tangga itu tidak dapat lagi memenuhi keperluan dan cara hidup masyarakat kini. Pada masa ini, masyarakat lebih gemar mendirikan rumah baharu mengikut reka bentuk moden, selain rumah tradisional yang diubahsuai bagi memenuhi keperluan hidup masyarakat zaman sekarang. Sewajarnya warisan ini dipertahankan untuk tatapan dan kebanggaan generasi muda kerana melaluinya, terpancar kekayaan norma dan cara hidup masyarakat Melayu Melaka dalam konteks sistem sosial dan adat istiadatnya. 